



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam**

**PENGURUS ESTET (B.2 EB.3 / B.2)  
JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA,  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENGURUS ESTET  
JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN )  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

- i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Arkitek / Bangunan / Elektrikal / *Estate Management* / Kejuruteraan Awam / Mekanikal / Ukurbahan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

b) **TANGGAGAJI B.2:**

- i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Arkitek / Bangunan / Elektrikal / *Estate Management* / Kejuruteraan Awam / Mekanikal / Ukurbahan atau bidang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai Bahagian Pemeliharaan Estet (Cawangan);
2. Melaksanakan, menyelenggara, menyelaras dan merancang kerja-kerja di bawah jagaanya serta peruntukan belanjawan;
3. Menjadi Pegawai Pengawas (*S.O*) kepada kontrak-kontrak penggal Pengurusan Fasiliti dan kontrak penggal pemeliharaan, projek-projek dan sebutharga yang dikendalikan oleh Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja seperti diarahkan. Ini termasuk membuat laporan-laporan yang bersangkutan dengannya;
4. Membantu dan memberi khidmat nasihat teknikal kepada *Vote Controller* / Pemerintah Garison di dalam perlaksanaan kerja-kerja;
5. Membuat laporan-laporan yang bersangkutan dengan kerja, belanjawan dan pentadbiran;
6. Membantu dan menunjuk ajar Pegawai Teknik;
7. Mentadbir dan mengurus Pegawai dan Kakitangan di bawahnya; dan
8. Melaksanakan kerja-kerja sepertimana diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.